

Penyelidikan UiTM bertaraf dunia

BH 9/12/06

Universiti menang sembilan pingat emas dalam pertandingan reka cipta di Belgium, Jerman

Oleh Wan Jailani Razak

SHAH ALAM: Universiti Teknologi Mara (UiTM) berjaya membuktikan bangsa Melayu adalah kaum yang maju dan tidak boleh dipandang sebelah mata berikutan kemampuannya melakar kemenangan dalam pelbagai pertandingan pada peringkat antarabangsa.

Beberapa siri kejayaan yang dicapai kakitangan dan pelajar UiTM melenyapkan tanggapan yang menyatakan 'Melayu bodoh, malas dan tidak boleh berjaya dalam bidang yang diceburi', kata Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah.

Beliau berkata kejayaan terbaru ialah mengungguli pingat emas terbanyak dengan lima emas dan dua anugerah khas pertandingan reka cipta dan penyelidikan Brussels-Eureka ke-55 di Brussels, Belgium pada 21 hingga 28 November lalu.

Di International Trade fair (IENA), Nuremberg, Jerman, pada 2 hingga 5 November pula universiti itu memenangi empat emas dan lima gangsa

menerusi 10 produk yang dibawa ke pertandingan itu.

"Dulu, ramai beranggapan Pameran Penyelidikan Antarabangsa di Geneva tidak berprestij selepas UiTM memenangi banyak pingat. Pandangan sinis ini menyebabkan kami melangkah lebih jauh dengan menyertai pertandingan di negara lain seperti Belgium, Jerman dan London.

"Kami menang besar. Jadi, sesiapa saja wajar menerima hakikat dan berbangga yang UiTM kini mampu

menghasilkan penyelidikan bertaraf dunia," katanya pada sidang media mengenai beberapa siri kejayaan universiti itu, di pejabatnya di Bangunan Canseleri, di sini semalam.

Dr Ibrahim berkata, kejayaan membanggakan seterusnya dicituskan oleh pasukan pendebat universiti itu apabila muncul johan kategori muda dan naib johan kategori utama Bahasa Melayu pada Pertandingan Debat Diraja di Universiti Malaysia Sarawak, 25 hingga 30 November lalu.

"Ia jelas menunjukkan dakwaan kononnya UiTM tidak berusaha memperkasa bahasa Melayu dalam sistem pendidikannya adalah salah, kami bukan saja bagus dalam bahasa Inggeris tetapi juga bahasa Melayu," katanya.

Sementara itu, pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UiTM, Wan Mazlina Wan Mohamed, yang memperoleh dua emas dalam pertandingan di Brussels, berkata beliau menang bagi dua kategori iaitu kos murah untuk menghasilkan bahan api pepejal dan bahan api cecair mesra alam bagi pelancaran roket.



KEUNGGULAN MELAYU: Dr Ibrahim (kanan) bersama pemenang pertandingan reka cipta dan penyelidikan Brussels-Eureka di UiTM, Shah Alam, semalam.

FAKTA NOMBOR

Pencapaian UiTM 2006

5

Pingat emas di Brussels-Eureka

4

Pingat emas di IENA, Nuremberg